

USAHAWAN SENI KHAT SUATU PROSPEK KERJAYA DAN KEPERLUAN BAGI MASYARAKAT ISLAM DI MALAYSIA

Abdul Halim Hasan^a, Abd Rahman Hamzah^b, Abd Basit Abd Samat@Darawi^c, Aminudin Hehsan^d

^{a, c} Fakulti Tamadun Islam, UTM, 81310 Johor Bahru, ^b Pusat Islam UTM, 81310 Johor Bahru, ^dPusat Penyelidikan Fiqh Sains dan Teknologi (CFIRST), UTM, 81310 Johor Bahru, Malaysia

^barhambp@utm.my
^ahalimfti@gmail.com

ABSTRAK

Masyarakat yang mempunyai lebih ramai usahawan merupakan masyarakat yang terbaik kerana mereka berdaya saing serta dinamik bagi mencapai kesejahteraan hidup. Antara bidang keusahawanan yang semakin mendapat tempat di hati masyarakat kini ialah bidang seni khat. Walaupun semakin banyak permintaan dan semakin banyak produk yang dihasilkan namun, isu kualiti dan keesahan produk kurang diberikan perhatian yang sewajarnya. Penyelidikan ini dijalankan bagi mengenalpasti sistem pembelajaran seni khat yang wujud di dalam negara, menilai kejayaan institusi pendidikan seni khat tempatan dalam melatih dan melahirkan penulis serta usahawan khat berkualiti dan mengenalpasti potensi dan peluang keusahawanan bidang seni khat. Metod yang digunakan ialah temubual (kuantitatif) dan soalselidik (kualitatif) terhadap seramai 14 orang usahawan seni khat tempatan dari pelbagai negeri di Malaysia. Penyelidikan juga merujuk kepada bahan-bahan kepustakaan (*library research*) bagi meneliti sejarah seni khat serta institusinya. Hasil penyelidikan mendapati pengajian seni khat secara formal adalah asas kepada lahirnya penulis khat yang berkualiti dan berdaya saing. Pendidikan seni khat formal dan terancang ini membuka ruang baru bidang keusahawanan dan meningkatkan keyakinan pelanggan. Dalam masa yang sama, ia merupakan langkah bagi memenuhi tanggungjawab memelihara warisan Jawi dan kesenian Islam yang diwariskan oleh generasi terdahulu.

Katakunci: Usahawan, seni Khat, pendidikan, kualiti, permintaan.

[Type here]

PENDAHULUAN

Seni Khat serta produknya semakin mendapat sambutan dari masyarakat di Malaysia. Ini dapat dilihat dari aktiviti berkaitan seni khat yang semakin kerap dijalankan serta bertambahnya hasil karya seni khat yang dipasarkan dalam pelbagai media. Sambutan hangat juga diberikan oleh masyarakat kepada pertandingan-pertandingan yang dianjurkan oleh pelbagai pihak samada swasta mahupun kerajaan, samada di peringkat sekolah, negeri, kebangsaan mahupun peringkat antarabangsa. Selain itu, kursus-kursus seni khat sering diadakan samada di sekolah-sekolah, di Institusi-institusi Pengajian Tinggi mahupun swasta. Sesuai dengan permintaan yang semakin meningkat kepada produk dan aktiviti seni khat, semakin ramai pula usahawan seni khat muncul.

Kualiti usahawan khat tempatan kini dilihat semakin meningkat. Pengiktirafan terhadap mereka tidak hanya datang dari dalam negara tetapi antarabangsa. Abdul Baki Abu Bakar (43 tahun) misalnya, telah mengharumkan nama Malaysia setelah diumumkan sebagai pemenang pertama pertandingan seni khat antarabangsa di Arab Saudi (Souk Ukaz) pada Ogos 2016 dengan membolot hadiah wang tunai berjumlah Riyal Saudi 50,000. Seorang lagi anak muda Mohd Fathy Rosli (30 tahun) telah memenangi tempat kedua pertandingan Khat di IRCICA Turki pada 2015 dan menerima hadiah wang tunai USD4000. Ada beberapa nama lain yang turut pernah memenangi pertandingan di peringkat antarabangsa termasuklah Nik Abd Rahman Zaki di Brunei dan sebagainya yang berjaya mengangkat maruah Malaysia di mata dunia. Kejayaan penulis-penulis khat tempatan di persada antarabangsa telah membuka mata banyak pihak tentang kualiti seni khat tempatan. Keyakinan kepada kualiti produk mereka telah membuka ruang kepada permintaan pelbagai pihak.

Keusahawanan merupakan satu perkataan yang panjang dan agak sukar untuk disebut. Keusahawanan ialah kata terbitan daripada perkataan usahawan. Istilah ini lahir daripada perkataan usaha yang bermaksud daya usaha termasuk ikhtiar, kegiatan dan perkara-perkara untuk melaksanakan sesuatu pekerjaan. Ab. Aziz Yusof (1999) pula menyifatkan keusahawanan sebagai aktiviti yang menjadi tonggak kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Selain itu, keusahawanan juga ialah aktiviti yang menggerak dan merangsang kejayaan serta meningkatkan pembangunan ekonomi. Keusahawanan merupakan satu proses mencipta sesuatu yang baru dengan usaha dan masa serta melibatkan pelbagai risiko kewangan, fizikal dan sosial. Ia dilakukan untuk mendapatkan ganjaran yang berbentuk kewangan, kepuasan dan kebebasan.

Menurut Mohd. Salleh Din (2005), keusahawanan ialah ciri-ciri yang boleh dibentuk dan diasah dalam diri individu dan ia boleh dipaparkan di dalam dan di luar organisasi perniagaan atau bukan perniagaan. Suhaimi Mansor (1991) dalam buku Ab. Aziz Yusof (1999), mentakrifkan keusahawanan sebagai satu aktiviti yang unik yang dijalankan oleh seseorang sebagai kerjaya untuk mendapatkan untung dan memerlukan gabungan perkara-perkara asas seperti keperibadian, keupayaan, modal dan pengetahuan. Keusahawanan ialah sikap, nilai, pengetahuan dan kemahiran yang membolehkan seseorang itu mampu dan cekap untuk mencari, mengenal, merebut peluang dan menterjemahkannya kepada strategi-strategi serta usaha perniagaan bagi mendapat keuntungan (Barjoyai Bardai, 2000). Yep Putih (1988) pula mentafsirkan keusahawanan sebagai kualiti manusia yang bukan sahaja mendatangkan faedah

[Type here]

kepada dirinya sendiri tetapi ia dapat membangunkan ekonomi dengan pesat serta memberi sumbangan kepada orang lain.

Usahawan berniaga bukan pertama untuk keuntungan dan kekayaan tetapi sebagai memenuhi tuntutan fardu kifayah. Keuntungan pula adalah musabab yang terjadi dengan kehendak Allah. Kehidupan di dunia adalah titik sementara dalam perjalanan ke akhirat, maka akhirat tidak sekali-kali boleh dikorbankan lantaran dunia. Amanah yang diberi padanya adalah untuk memakmurkan bumi Allah SWT ini melalui apa jua bidang yang dihالalkan yang diceburinya. Berlandaskan sama ubudiah dan tauhid. Insan yang berniaga itu adalah tetap muslim yang berkeusahawanan. Berlawanan dengan konsep Barat *Economic Man*, keusahawanan Islam adalah menganjurkan konsep Islamic Man. (Adnan *et al.*), (1992).

LATAR BELAKANG MASALAH

Untuk menghadapi cabaran di era globalisasi, Malaysia perlu mempunyai usahawan yang berketrampilan dalam pelbagai disiplin. Masyarakat yang mempunyai ramai usahawan adalah merupakan masyarakat yang terbaik. Ini kerana usahawan merupakan individu yang paling dinamik, kreatif dan inovatif. Mereka sedia untuk berhadapan dengan ketidaktentuan melalui kreativiti dan kesungguhan untuk mencapai kejayaan. Semangat ini telah menyebabkan mereka melihat hari esok dengan penuh peluang dan berkeyakinan untuk merebut peluang berkenaan. Ternyata usahawan amat diperlukan oleh seluruh dunia kerana ianya sering dikaitkan dengan pembangunan ekonomi Negara. Bidang keusahawanan yang diceburi dan dikembangkan akan memberikan peluang pekerjaan kepada orang lain.

Sehubungan dengan itu, usahawan perlu mencipta dan menceburi bidang baru bagi meningkatkan daya saing dengan memberi lebih banyak pilihan kepada masyarakat serta kesejahteraan mereka. Malaysia yang majoriti penduduknya adalah beragama Islam mempunyai bidang tertentu yang berpotensi diceburi dan dikembangkan bagi memenuhi permintaan masyarakat Muslim tempatan. Bidang seni khat membuka ruang yang luas kepada para usahawan yang berminat dalam bidang ini.

Bidang seni khat semakin mendapat perhatian dan permintaan dari pelbagai lapisan masyarakat. Karya seni khat dalam pelbagai media dan saiz menerima sambutan yang memberangsangkan. Ia dijadikan hiasan dalaman dan luaran kediaman, bangunan pejabat dan masjid. Hasil kraftangan yang berasaskan seni khat dipelbagaikan. Banyak pihak juga telah mengaplikasikannya secara komersil pada papan-papan tanda jalan, pengiklanan dan sebagainya yang menjadikan ia semakin popular.

Bagi meningkatkan kualiti produk seni khat, kualiti penulis menjadi persoalan terpenting. Penulis khat yang terlatih akan menghasilkan mutu kerja yang berkualiti. Bagi memenuhi permintaan latihan ini, terdapat institusi dengan kepelbagaian pendekatan menawarkan latihan berkaitan. Pelbagai aktiviti seni khat dijalankan di semua peringkat dan pertandingan dianjurkan saban tahun samada oleh pihak kerajaan mahu pun swasta. Di samping tanggungjawab memelihara warisan Jawi dan kesenian Islam, Kementerian Pendidikan sendiri telah merangka silibus seni khat yang diterapkan di dalam matapelajaran Pendidikan Islam di semua Sekolah Kebangsaan.

[Type here]

PERNYATAAN MASALAH

Walau pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak samada kerajaan mahupun persendirian, pencapaian kualiti penulisan dan hasil kerjatangan penulis khat tempatan masih banyak lagi yang boleh dipertingkatkan. Jumlah bilangan penulis khat yang dilihat berjaya mengukir nama di peringkat antarabangsa masih kecil dan dalam masa yang sama pencapaian mereka sendiri belum benar-benar konsisten dan teruji untuk meletakkan mereka sebaris dengan penulis-penulis khat terkemuka dunia. Ini bermakna kualiti penulis khat tempatan perlu dipertingkatkan dan cara terbaik menangani masalah ini ialah melalui pendidikan seni khat formal yang masih belum dikenali ramai di Malaysia.

Terdapat karya-karya seni khat di pasaran yang tidak mengikut kaedah penulisan sebenar sebagaimana garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa sehingga ayat-ayat al-Quran yang dihasilkan mendatangkan keliru kepada orang awam. Kesalahan tulisan dan kecelaruan kaedah seni khat telah mencemarkan kesucian al-Qur'an. Pengusaha berkenaan secara tidak bertanggungjawab menghasilkan produk seni khat yang sebenarnya tidak dikuasainya, hanya kerana memenuhi permintaan pasaran dan mengejar keuntungan. Sewajarnya pengusaha seni khat mempunyai rasa tanggungjawab keatas kesahihan ayat yang ditulis dengan mengikut latihan dan bimbingan formal sebelum memasarkannya kepada awam.

METOD KAJIAN

Bagi mencapai objektif kajian ini, penulis merujuk kepada bahan-bahan kepustakaan (*library research*) bagi meneliti sejarah seni khat serta institusinya. Ini bagi memberikan gambaran yang jelas tentang pandangan Islam tentang pendidikan seni khat dan sejauh mana institusi khusus seni khat adalah relevan dengan tradisi masyarakat Islam. Selain itu penulis juga membuat soalselidik (kuantitatif) dan temubual (kualitatif) terhadap seramai 14 penulis dan aktivis khat dari serata tanah air yang menjadikan seni khat sebagai kerjaya sepenuh masa mereka. Ini bagi mendapatkan gambaran mereka tentang peranan pendidikan seni khat dalam masyarakat dan sejauh manakah seni khat mampu untuk dijadikan aliran perdana dalam kehidupan berbudaya dan berkerjaya.

OBJEKTIF

Objektif kajian ini adalah bagi mendapatkan tujuan berikut:

- a) Mengenalpasti kaedah pembelajaran seni khat yang wujud di dalam negara
- b) Menilai kejayaan institusi pendidikan seni khat tempatan dalam melatih dan melahirkan penulis khat berkualiti
- c) Mengenalpasti potensi dan peluang keusahawanan bidang seni khat

[Type here]

KAJIAN TERDAHULU

Aplikasi Seni Khat di Alam Melayu

Sebagai medium utama komunikasi dan pendidikan masyarakat Islam, seni khat suatu ketika dahulu telah diaplikasikan kepada hampir semua media yang boleh dibayangkan (Ismail dan Lois Lamya Al-Farouqi, 1986). Di Alam Melayu, ia diaplikasi pada pahatan batu bersurat, batu nesan, batu tanda dan sebagainya. Terdapat banyak prasasti serta manuskrip lama yang ditemui di sekitar Asia Tenggara membuktikan bahawa seni tulisan ini memainkan peranan yang amat penting sebagai media utama.

Prasasti terawal yang paling mashur ialah di batu bersurat Terengganu yang ditulis pada awal kurun ke 14 Masihi. Penemuan batu bersurat di Terengganu yang bertarikh 702 hijrah bersamaan 1303 Masihi merupakan antara bukti terawal mengenai titik permulaan seni khat Jawi sampai ke Asia Tenggara. Tulisan pada batu ini mirip kepada gaya Nasakh atau Thuluth walaupun kaedahnya masih agak longgar. Ini bererti, institusi khat Jawi dengan sistemnya yang tersendiri telah mula dipelopori, dipelajari dan diaplikasikan sebagai alat perhubungan serta pendidikan terutamanya bagi masyarakat Islam yang ingin mempelajari selok belok tentang agama Islam yang mereka anuti. Di samping itu, penulisan khat dalam pelbagai gaya juga ditemui pada prasasti-prasasti lain termasuk di Brunei, Indonesia, Kemboja dan lainnya.

Hiasan dalaman dan luaran masjid menggunakan seni khat merupakan suatu yang diamalkan hampir di semua masjid di tanah Melayu dan Malaysia sehingga kini. Kajian oleh penulis dalam buku 'Inscription in Mosque: Forms and Meanings' (Abd Rahman, 2010) menunjukkan hampir semua masjid di Malaysia mempunyai sedikit sebanyak hiasan masjid menggunakan seni khat samada berupa ayat al-Quran, hadith nabi dan sebagainya. Perkara yang sama berlaku kepada negara-negara Islam lain. Perbezaan antara satu masjid dengan yang lain adalah dari aspek kuantiti khat, lokasi, material dan sebagainya.

Institusi Pengajian Seni Khat Melayu

Masyarakat Melayu mempelajari dan menggunakan tulisan Arab bukan sekadar untuk menjadi media perhubungan semata-mata. Fenomena pengajaran dan pembelajaran tulisan ini adalah kerana ia berkait secara langsung dengan al-Qur'an dan tuntutan kehidupan seharian mereka sebagai seorang Islam. Tulisan al-Qur'an wajib dipelajari oleh semua umat Islam kerana ia rujukan utama Umat Islam. Selain itu, peranan tulisan ini tidak boleh diambil alih atau diganti dengan sebarang tulisan lain. Lantaran kerana itu, masyarakat Islam menghantar anak-anak mereka untuk mempelajari tulisan ini termasuk di rumah guru-guru agama, surau, masjid, madrasah dan sebagainya.

Kebanyakan masyarakat Melayu di zaman silam mempelajari seni khat melalui pengajian tidak formal atau tidak khusus seperti di masjid-masjid, sekolah-sekolah Arab dan beberapa institusi yang lain. Antara Sekolah-sekolah Arab di abad ke dua puluh yang telah melahirkan penulis-penulis khat ialah Madrasah Al-Attas Johor, Sekolah Sultan Zainal Abidin

[Type here]

Terengganu, Madrasah Muhammadiyah Kelantan, Maktab Mahmud Kedah, Madrasah Al-Ihya Al-Syarif Perak dan lain-lain.

Ada di antara masyarakat Melayu yang menuntut atau mempelajari ilmu khat ini secara langsung dari negara-negara Arab. Ini kerana mereka sering berulang alik kesana sama ada pergi ke tanah suci Mekah untuk mengerjakan haji dan umrah atau menuntut ilmu agama Islam. Di samping itu, ilmu seni khat ini juga berkembang melalui pengalaman pelajar-pelajar Melayu yang menuntut ilmu di luar negara khususnya di negeri Arab contohnya di Mesir, Jordan dan lain-lain lagi. Mereka mempelajari seni khat dari tokoh-tokoh terkenal khat di tanah Arab. Dari sinilah mereka mula menghayati seni khat seterusnya mengaplikasikan tulisan tersebut melalui seni yang diukir dan diabadikan di masjid-masjid, batu-batu nisan, ukiran di keris, mata wang, cokmar, cap mohor, pingat kebesaran, ukiran-ukiran di istana serta di rumah-rumah orang Islam. Selain itu, tulisan khat turut diabadikan di atas tenunan songket dan hiasan (Mustafa Haji Daud, 1996).

Peranan pemerintah memartabatkan Seni Khat

Sejarah telah membuktikan bahawa peranan yang dimainkan oleh pihak istana serta pemerintah Islam dalam mengangkat martabat seni ini merupakan salah satu faktor yang terpenting dalam melahirkan penulis-penulis khat teragung. Sultan serta pemerintah kerajaan Islam di zaman silam telah menjadikan seni ini sebagai seni yang qudus- iaitu seni yang suci dan mutlak lantaran kaitannya dengan al-Qur'an yang menjadi dasar segala intipati ajaran Islam (Abd Rahman, 2008). Selain itu, tulisan ini juga perlu dimartabatkan kerana ia mencerminkan keagungan sesebuah kerajaan lantaran tulisan ini juga menjadi media utama dalam segala urusan dokumentasi pemerintahan.

Bermula sejak dari zaman Nabi Muhammad dan para sahabat lagi, penulis-penulis wahyu adalah terdiri dari kalangan yang mereka yang paling mahir dalam ilmu tulisan. Ketika di zaman pemerintahan Saidina Uthman r.a., beliau telah memilih mereka yang paling baik tulisannya untuk menggalas tanggungjawab menyalin mushaf bagi diselaraskan sistem tulisan yang kemudiannya dikenali sebagai mushaf *rasm Uthmani*. Di zaman kerajaan Bani Abbasiyyah, Ibnu Muqlah yang merupakan pengasas kepada kaedah ukuran seni khat telah dilantik menjadi Perdana Menteri kepada tiga orang Sultan yang memerintah secara berturut-turut (Safadi, 1987). Tradisi ini diteruskan oleh pemerintah-pemerintah kerajaan Islam yang seterusnya sehinggalah kepada kerajaan empayar Islam yang terakhir iaitu kerajaan Turki Uthmaniyyah.

Di zaman kerajaan Turki Uthmaniah, seni khat bukan sahaja diwarisi dari generasi terdahulu tetapi ia telah dikembangkan dengan begitu hebat hingga mencapai tahap kehalusan tulisan yang tertinggi. Selain itu, mereka juga telah menyumbang dalam menyediakan sistem pembelajaran secara formal yang begitu terancang. Antara pendidikan yang dimaksudkan ialah sekolah "Enderun" untuk bakal pemimpin negara yang mewajibkan mata pelajaran seni khat. Melalui sistem pendidikan yang formal ini, ramai penulis-penulis khat yang agung telah mereka lahirkan. Tidak kurang dari kalangan mereka ini yang terus menjadi idola dan rujukan masyarakat Islam sehingga ke hari ini. Nama penulis-penulis khat seperti Hamdullah al-Amasi,

[Type here]

Hafiz Osman, Mustafa Rakim, Shauqi dan Hamid al-Amidi tidak mungkin akan muncul dengan sendirinya tanpa adanya satu sistem pendidikan yang berkesan.

Penubuhan Institusi Khusus Seni Khat di Malaysia

Terdapat banyak pihak dan institusi yang menawarkan pengajian seni khat sebagai subjek sampingan atau ko-kurikulum. Namun Kolej Restu muncul sebagai institusi Seni Khat Moden yang pertama di Malaysia yang ditubuhkan pada 2004. Ia bermula selepas sempurnanya Projek al-Qur'an Mushaf Malaysia oleh Yayasan Restu yang proses menyiapkannya mengambil masa kira-kira sepuluh tahun. Melalui projek penyalinan Mushaf tersebut, Yayasan melihat betapa perlunya kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan seni Islam terutamanya dalam Seni Khat dan Iluminasi Al-Quran dipertingkat dan diperluas agar khazanah bangsa dapat dimartabatkan selayaknya. Ilmu pengetahuan tentang khazanah seni Islam perlu disusun dan digabungkan dengan pengalaman dan kepakaran yayasan sehingga disiplin seni yang spesifik dan unik dapat diwariskan.

Antara komponen silibus mata pelajaran yang diajar dalam program ini adalah Seni Khat, meliputi semua enam gaya utama khat iaitu Nasakh, Thuluth, Reqa'ah, Kufi, Diwani & Nasta'liq. Selain itu, seni Iluminasi Al-Qur'an, Seni Mushaf dan Penyalinan Al-Qur'an juga diajar secara teori dan praktik. Bagi mendapatkan pakej lengkap di bidang berkaitan, pelajar juga didedahkan kepada Seni Halus dan Reka Bentuk Grafik, Teori dan Sejarah Seni, Tulisan Jawi dan lain-lain. Sebelum menamatkan pengajian mereka, pelajar akan didedahkan dengan latihan industri bagi persediaan mereka menempuh dunia kerjaya. Antara pendedahan tersebut ialah dalam industri hiasan dalaman, guru Seni Khat, pengiklanan, Pembaca Pruf Teks Al-Qur'an, Penolong Kurator Muzium dan sebagainya.

ANALISIS DATA SOALSELIDIK

Bagi mencapai objektif yang digariskan, penyelidik mengumpul data dari responden melalui dua cara iaitu soalselidik diikuti dengan temubual. Sampel yang dipilih adalah terdiri dari 14 usahawan seni khat tempatan yang menjadikan seni khat sebagai kerjaya masing-masing secara sepenuh masa.

Ciri responden yang dipilih adalah mereka semestinya mempunyai latarbelakang pendidikan kemahiran seni khat secara formal sebelum menjadikan seni khat sebagai kerjaya dan sumber pendapatan utama. Faktor pendidikan ini adalah penting kerana terdapat sebilangan pengusaha yang tidak mempunyai pendidikan khusus seni khat tetapi melibatkan diri secara bidan terjun sehingga menyebabkan terhasilnya karya atau produk seni khat yang tidak mengikut kaedah seni khat yang sebenar. Ini boleh menimbulkan kekeliruan di kalangan pengguna awam. Mereka juga bukanlah usahawan seni khat yang sebenar kerana kebertanggungjawaban mereka terhadap produk boleh dipertikaikan.

[Type here]

1. Demografi

Semua 14 responden yang dipilih berumur antara 20 hingga 42 tahun. Responden berasal dan beroperasi dari negeri-negeri yang berbeza di seluruh tanah air termasuk dari Pantai Timur, Utara, Wilayah Persekutuan dan selatan tanah air. Kepelbagaian latar belakang adalah penting bagi mendapat gambaran yang lebih menyeluruh tentang ruang aktiviti dan penerimaan masyarakat tempatan terhadap produk seni khat.

Selain pendidikan seni khat, responden dilihat mempunyai tahap akademik yang berbeza dari SPM hinggalah kepada Ijazah Sarjana. Pengusaha seni Khat yang mempunyai tahap pendidikan akademik sehingga peringkat SPM adalah seramai 2 orang (14.3%), pemegang Diploma seramai 7 orang (50%), Ijazah 4 orang (28.6%) dan Sarjana seramai 1 orang (7.1%).

Pendapatan bulanan yang diterima oleh responden adalah pelbagai namun memberangsangkan. Sebahagian dari mereka menerima pendapatan yang agak lumayan dari aktiviti seni khat iaitu seramai 2 orang (14.3%) memperoleh pendapatan bulanan melebihi rm10,000 (sepuluh ribu) sebulan berdasarkan pendapatan purata selama setahun yang lalu. Seramai 3 orang (21.4%) pula memperoleh antara rm4001 hingga rm6000 sebulan, 5 orang (35.7%) memperoleh antara rm2001 hingga rm4000 dan baki seramai 4 orang (28.6%) mendapat kurang dari rm2000. Ini menunjukkan pendapatan yang diterima oleh usahawan Seni Khat secara umumnya adalah memuaskan. Pengusaha yang mendapat kurang dari rm2000 sebulan berkemungkinan masih kekurangan pengalaman perniagaan kerana keempat-empat mereka adalah berumur antara 20 hingga 32 tahun.

Antara aktiviti dan produk yang diusahakan oleh mereka ialah membuka galeri seni khat, menjadi konsultan serta penganjur kursus-kursus motivasi khat dan Jawi, memiliki syarikat percetakan, hiasan dalaman pelbagai media, kedai membuat papan iklan berasaskan khat, penulis khat dalam projek penyalinan al-Qur'an, pelukis khat catan, penulis dokumen berasaskan khat dan sebagainya.

2. Pendidikan Asas Seni Khat

Hasil kajian menunjukkan seramai 7 dari 14 responden (50%) mendapat pendidikan formal seni khat dari Kolej/Yayasan Restu. Pendidikan formal yang dimaksudkan di sini samada Diploma Seni Mushaf sepenuh masa yang diambil di Kolej Restu dalam tempoh pengajian selama 2 tahun setengah atau mereka mengikuti kursus-kursus peringkat Sijil (Seni Khat) yang diadakan pada hujung minggu oleh Yayasan Restu selama tiga bulan atau kursus-kursus yang dijalankan dari masa ke semasa. Baki seramai 7 orang (50%) mengakui mendapat pendidikan tersebut dari sumber yang berbeza termasuk belajar khat dari guru-guru mereka semasa di sekolah, di Universiti, di Masjid-masjid, di Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur atau dibimbing oleh ahli keluarga terhampir yang memiliki kemahiran seni Khat.

[Type here]

3. Kaedah Pembelajaran seni Khat

Kaedah yang paling banyak digunakan oleh responden untuk mempelajari seni khat adalah melalui bimbingan langsung dari guru. Ini dapat dilihat dari respon yang diberikan kepada item “Saya banyak mempelajari khat melalui bimbingan langsung dari individu/guru”. Seramai 12 orang responden (85.7%) bersetuju bahawa mereka mendapatkan kemahiran mereka melalui bimbingan secara langsung dari guru-guru mereka. Mereka menulis dan berlatih di hadapan guru ketika menghadiri kelas formal atau mereka menulis di rumah sebelum menghantar untuk disemak oleh guru secara berhadapan. Guru akan memberi komen kepada hasil tulisan mereka serta memberi tunjuk ajar segala aspek berkaitan seni khat termasuk berkaitan mata pen, dakwat, selain pembentukan huruf-huruf serta penyusunannya. Hanya seramai 2 orang (14.3%) sahaja tidak bersetuju dengan item ini.

4. Kualiti penulis Khat Tempatan

Responden secara umumnya berpandangan bahawa pencapaian penulis khat tempatan masih ketinggalan berbanding penulis-penulis khat dari Negara Islam lain termasuk negara-negara seperti Mesir, Syria dan Turki. Bahkan kebangkitan kuasa seni khat baru iaitu Indonesia memberikan kesan yang besar. Pandangan ini dapat dilihat melalui item “Pencapaian kualiti penulis khat di Malaysia masih ketinggalan berbanding Negara Islam lain” dimana seramai 11 orang responden (78.6%) bersetuju dengan pernyataan tersebut. Terdapat seramai 3 orang (21.4%) tidak bersetuju dengan item ini kerana menurut mereka penulis khat Malaysia tidak kurang hebatnya berbanding negara islam lain. Ini adalah kerana mereka sendiri atau kenalan mereka pernah menang beberapa pertandingan di peringkat antarabangsa walaupun jumlah mereka yang menang itu tidaklah ramai. Menurut mereka, keadaan ini lebih baik berbanding sebahagian Negara Islam lain yang langsung tidak pernah memenangi apa-apa pertandingan khat diperingkat antarabangsa.

5. Tanggungjawab Memartabatkan Seni Khat

Mengenai item “Peranan paling berkesan bagi memartabatkan khat adalah usaha individu dan bukan kerajaan” seramai 9 responden (64.3%) menjawab tidak setuju dan meletakkan tanggungjawab tersebut kepada pihak kerajaan. Menurut mereka pihak kerajaan boleh menyediakan bajet untuk menggerakkan aktiviti dengan lebih aktif atau mengeluarkan polisi-polisi yang memberikan ruang agar seni tulisan ini dapat dijadikan aliran perdana. Manakala seramai 5 responden (35.7%) bersetuju bahawa peranan yang paling berkesan memartabatkan seni khat adalah melalui usaha individu dan bukan kerajaan terutama dalam situasi sekarang yang memerlukan kesedaran dan kesungguhan individu berhadapan dengan gelombang globalisasi. Mereka berpendapat sekiranya komuniti seni khat mampu menunjukkan keindahan seni ini, tentu sahaja akan wujud permintaan yang tinggi yang datang dari pelbagai pihak. Sebaliknya jika kerajaan bersungguh-sungguh mempromosi seni khat tetapi masyarakat tidak mahu berusaha memenuhi keperluan tersebut maka ia tetap tidak memberi apa-apa perbezaan.

[Type here]

6. Permintaan kepada produk khat

Mengenai item “Permintaan kepada produk seni khat amat luas dan memberangsangkan” responden menunjukkan jawapan yang hampir sepakat bahawa permintaan produk seni khat adalah amat luas. Seramai 13 responden (92.9%) bersetuju dengan item ini. Ini adalah kerana pasaran yang diterima bukan sahaja dari dalam Negara tetapi juga dari luar Negara seperti Brunei, Thailand, bahkan sehingga ke benua Afrika. Permintaan kepada kursus-kursus jangka pendek contohnya sentiasa tidak menang tangan memandangkan tidak wujud atau tidak cukupnya guru-guru berkelayakan di bidang ini yang ditempatkan di sekolah-sekolah di seluruh Negara hinggalah ke peringkat institusi Pengajian Tinggi. Hanya 1 responden (7.1%) sahaja yang tidak bersetuju dengan item ini.

PERBINCANGAN

Peranan Institusi Pendidikan Seni Khat

Hasil kajian menunjukkan 7 dari 14 responden atau 50% pengusaha seni khat yang ditemui merupakan lepasan Yayasan/Kolej Restu. Baki seramai 7 orang responden pula mempelajari seni khat dari sumber berbeza dari serata tanah air yang secara amnya adalah pendidikan tidak formal. Di sini dapat dilihat bagaimana sebuah institusi yang khusus ditubuhkan bagi memberikan pendidikan Seni Khat dapat memainkan peranan besar melahirkan tenaga-tenaga mahir dan terlatih.

Lepasan institusi seni khat seperti Yayasan/Kolej begitu yakin untuk menceburkan diri dalam perusahaan seni khat berbanding dengan mereka yang mendapat pendidikan tidak formal. Tidak ramai yang berani menjadikan Seni Khat sebagai kerjaya utama kerana tiada atau kurangnya pendedahan yang diperoleh dalam bidang ini.

Pendidikan khusus seni khat dilihat amat sesuai dengan perkembangan semasa di mana permintaan terhadap produk seni khat semakin berkembang. Umum mengetahui bahawa sesuatu bidang seni memerlukan masa yang panjang dan latihan yang berterusan sebelum ia benar-benar mampu dikuasai. Mempelajari seni khat secara sambilan atau sekadar hobi bagi memenuhi masa lapang tidak akan mampu melahirkan penulis yang berkualiti antarabangsa. Begitu juga tawaran Seni Khat hanya sebagai subjek ko-kurikulum di IPTA tentunya amat tidak memadai untuk mencapai matlamat menghasilkan penulis khat professional.

Menilai kejayaan pendidikan seni khat tempatan

Hasil kajian menunjukkan secara umumnya responden berpandangan bahawa pencapaian penulis khat tempatan masih ketinggalan berbanding penulis-penulis khat dari Negara Islam lain samada negara Timur Tengah mahupun tetangga di Asia Tenggara. Pandangan ini dapat dilihat melalui item “Pencapaian kualiti penulis khat di Malaysia masih ketinggalan berbanding Negara Islam lain” dimana seramai 11 orang responden (78.6%) bersetuju dengan pernyataan tersebut.

[Type here]

Pandangan ini disokong oleh beberapa keputusan pertandingan seni khat antarabangsa yang dianjurkan oleh pihak Negara Malaysia sendiri mahupun pihak antarabangsa lainnya. Sebagai contoh, keputusan Pertandingan Seni Islam Antarabangsa Terengganu (TIIAF) 2014 yang dianjurkan oleh kerajaan negeri Terengganu menunjukkan kualiti anak tempatan di bidang ini masih mengecewakan. Bagi kategori karya khat siap yang menawarkan USD5000 kepada pemenang pertama telah dimenangi oleh Ali Hassan Ibrahim dari Iraq, manakala Naib Johan (USD3000) dimenangi Ehab Ibrahim dari Palestin dan tempat ketiga (USD2000) dimenangi Isep Misbah dari Indonesia. Seterusnya sepuluh pemenang saguhati pula (USD1000) kesemuanya dimenangi oleh peserta dari luar negara yang kebanyakannya adalah dari negara Arab. Tiada seorang pun dari tiga belas pemenang tersebut berasal dari Malaysia walaupun ia diadakan di Malaysia dan ramai orang tempatan yang menyertainya. Keputusan TIIAF di atas tentunya bukanlah satu-satunya ukuran untuk menilai pencapaian penulis khat tempatan, namun usaha pembaikan perlu dilakukan.

Namun demikian, kebangkitan penulis-penulis khat muda tempatan sejak akhir-akhir ini ada menunjukkan sedikit peningkatan. Nama-nama seperti Abdul Baki Abu Bakar, Mohd Fathy Rosli, Nik Abd Rahman Zaki dan lainnya berjaya mengangkat maruah Malaysia di mata dunia. Walaupun begitu, jumlah mereka yang berjaya menembusi monopoli penulis khat antarabangsa tersebut adalah masih kecil berbanding kekerapan pertandingan antarabangsa dan konsistensi kemenangan mereka.

Prospek keusahawanan bidang seni khat

Dapatan kajian menunjukkan majoriti responden setuju bahawa permintaan kepada produk seni khat adalah luas dan memberangsangkan. Seramai 13 responden (92.9%) bersetuju dengan item ini. Ini adalah berpandukan kepada pengalaman yang dilalui responden dalam perniagaan yang mereka jalankan. Mereka menerima permintaan dari pelanggan yang bukan sahaja dari dalam negara tetapi juga dari luar negara seperti Brunei, Thailand, bahkan sehingga ke benua Afrika.

Fenomena seni khat kini banyak telah berbeza berbanding satu ketika dahulu di mana bidang ini berkembang dengan pesatnya. Karya seni khat bukanlah sesuatu yang asing di pasaran. Melalui pendidikan yang terancang, pelajar dengan yakin memulakan langkah sebagai usahawan seni khat sebaik sahaja menamatkan pengajian mereka. Hasil dari komitmen dan kesungguhan ini, akhirnya mereka berjaya menjadi penulis khat profesional bukan sahaja diterima di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Saidina Ali (R.A) yang digelar sebagai “Bapa Penulis Khat” lantaran tulisannya yang cantik ketika menyalin al-Qur’an. Beliau gigih mengajar tulisan kepada masyarakat Islam. Beliau menggalakkan pendidikan seni khat dalam masyarakat kerana bidang ini dilihat mempunyai prospek dalam bidang keusahawanan. Benarlah kata-kata yang dinisbahkan kepada Saidina Ali (R. A) yang bermaksud: “Seni Khat itu menjadi punca rezeki kepada orang miskin, menjadi hiasan bagi orang kaya dan menjadi pelengkap bagi para pemerintah”.

Al-Quran secara terang telah mengajak manusia untuk mencari pekerjaan di muka bumi ini khususnya menceburi bidang perniagaan dan keusahawanan yang dianggap sebagai pekerjaan

[Type here]

yang paling mulia dan merupakan warisan nabi terdahulu termasuklah Nabi Muhammad SAW. Selain itu, kedudukan dan keperluan perniagaan amat penting dalam kehidupan manusia. Lebih-lebih lagi jika ditinjau dari sudut al-Quran dan al-Sunnah yang meletakkannya di satu tahap yang paling tinggi sehingga menyamai ibadat solat dan haji. Ia membawa keuntungan bukan sahaja di dunia malah di akhirat asalkan ia berlunaskan Islam.

Apabila manusia melibatkan diri dalam keusahawanan maka, harapan mereka supaya terselamat daripada kepapaan dan kemiskinan adalah sangat besar (Abdullah Yassin, 1999). Hal ini bertepatan dengan kajian yang dibuat oleh Faridah Mohd. Ariff (2002), yang menyatakan bahawa perniagaan mendatangkan pendapatan yang lumayan. Selain itu, ia juga selari dengan kajian yang dilakukan oleh Rahinah Saidin (1997) yang menyatakan bahawa manusia akan hidup senang dengan berniaga.

PENUTUP

Seni Khat memberi makna yang tersendiri kepada masyarakat Islam sejak zaman berzaman. Dalam realiti hari ini yang manusia memerlukan wang dalam segala urusan harian, seni khat mempunyai peranannya yang tersendiri dalam menyelesaikan masalah masyarakat. Seni khat sentiasa hampir di hati masyarakat Islam tanpa mengira ia dari golongan Raja, orang kaya mahupun si miskin. Bagi orang miskin, seni khat memberikan peluang kepada mereka untuk keluar dari kepompong kemiskinan dengan menceburi bidang keusahawanan seni khat.

Islam juga telah menganjurkan umatnya agar tidak meletakkan kehidupan duniawi semata-mata. Segala perlakuan manusia semasa di dunia ini akan dihitung dan dipersoalkan secara satu-persatu di akhirat kelak walau sebesar zarah sekalipun. Bagaimanapun, Islam tidak menggalakkan umatnya untuk meninggalkan terus kehidupan dunia bagi mengejar kehidupan akhirat. Allah menyukai manusia yang seimbang dari segi rohani dan jasmani. Oleh itu, Allah telah mengurniakan sebahagian nikmat untuk kehidupan manusia di dunia ini. Umpamanya, rezeki yang halal ialah anugerah Allah kepada manusia yang berusaha dengan keringat mereka sendiri sebagaimana firman Allah SWT di dalam al-Quran *surah al-Qasas ayat 77*.

Kejayaan sesebuah masyarakat itu bergantung kepada kebolehan masyarakat tersebut menangani masalah harian mereka serta kemampuan mereka untuk bersaing di peringkat antarabangsa (Irsad Lubis, 2003). Namun demikian untuk berjaya dalam bidang ini seseorang itu perlulah sabar dan tekun menempuh tempoh pembelajaran dan latihan yang secukupnya agar produk yang dihasilkan kelak benar-benar berkualiti dan diiktiraf seterusnya mengangkat martabat seni khat kepada kedudukan yang selayaknya.

[Type here]

RUJUKAN

- Abd Rahman Hamzah. 2008. *Khat dan Jawi Mutiara Kesenian Islam Sejagat*. Johor Bahru: UTM Press.
- Ab Aziz Yusof, 1999. *Asas-Asas Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall.
- Ab. Aziz Yusof dan Zakaria Yusof, 2004. *Prinsip Keusahawanan*. Selangor: Prentice Hall.
- Adnan Alias dan Mohamed Dahlan Ibrahim, 2002. *Keusahawanan Islam*. Selangor: Prentice Hall.
- Barjoyai Bardai, 2000. *Keusahawanan Dan Perniagaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Irsad Lubis. 2003. Halaman 18. *Persepsi Islam Terhadap Usahawan dan Keusahawanan*. dalam Dewan Ekonomi keluaran februari.
- Faridah Mohd. Ariff, 2002. *Kajian kecenderungan mahasiswa Sarjana Muda Pengurusan Teknologi (SHT) terhadap bidang keusahawanan*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Ismail dan Lois Lamya Al-Farouqi. 1986. *Atlas Seni dan Budaya Islam. (The Cultural Atlas of Islam)*. New York: Macmillan Publishing Company.
- Mohd. Salleh Din *et al.*, 2005. *Asas Keusahawanan*. Singapore: Thomson Asia Pte Ltd.
- Mahmud Abbas Hammudah. 2000. *Tatawzur al-Kitabah al-Khattiyyah al-Arabiyyah*. Mansurah Mesir: Dar al-Wafa'
- Rahinah Saidin, 1997. “ *Sikap pelajar-pelajar STP di UTM terhadap bidang keusahawanan*”. Projek Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia
- Rahmah Ismail *et al.* , 2006. *Daya Saing Usahawan dan Syarikat Melayu dalam Sektor Pembuatan dan Perkhidmatan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Safadi, Yasin Hamid. 1987. *Islamic Calligraphy*. New York: Thames and Hudson.
- Schimmel, A. 1984. *Islamic Calligraphy*. Leiden: E.J. Brill.
- Seyyed Hossein Nasr & John Copper. 1992. *The Significance of Islamic Manuscripts*. London: Al-Furqan Islamic Heritage Foundation.
- Syed Ahmad, 1979. *Form & Soul*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suhaimi Mansor, 1991. *Jalan Pintas Keusahawanan*. Kuala Lumpur: Watan Sdn. Bhd.
- Yahaya Jusoh dan Azhar Muhammad, 2005. *Interaksi Harta Dalam Al-Quran*. Johor: UTM Press.
- Zafir Mohd Makhbul dan Fazilah Mohamed Hasun. 2005. *Menjadi Usahawan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaharuddin Abd Rahman, 2008. *Wang, Anda dan Islam*. Kuala Lumpur: Truewealth Publishing.
- Zakariya, 2001. *Fadhilat Tijarah*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man